

BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan

Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) adalah sebuah parti politik yang lahir pasca terjadinya reformasi di Indonesia. Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) ditubuhkan di Ciganjur, Jakarta Selatan pada 23 Julai 1998 atau bertepatan dengan 29 Rabiul Awal 1419 Hijriah oleh para kiai (ulama) terkemuka Nahdlatul Ulama (NU) seperti: KH. Abdurrahman Wahid (Gus Dur), KH. Munasir Ali, KH. Ilyas Ruchiyat, KH. Mustofa Bisri, dan KH. A. Muhith Muzadi. Tak diragukan lagi bahawa PKB adalah anak kandung NU. Kehadirannya tidak lain merupakan kelanjutan dari tradisi pemikiran dan gerakan NU yang berasaskan kepada dua corak pemikiran politik iaitu keislaman yang moderat dan keindonesiaan (kebangsaan) yang multikultur (kepelbagaian budaya).

Sebagai parti yang terlahir hasil cetusan dan idea dalam kalangan NU, tentunya parti PKB tidak dapat dipisahkan dengan pesantren yang dikenali sebagai penyokong asas bagi NU.¹ Keterlibatan pesantren secara konvergensif dengan kekuasaan (politik) diakui oleh hampir setiap orang yang akrab dengan dunia pesantren, sama ada pesantren yang dipelopori kaum sufi Persia (Khandaq) pada masa Sultan Shalahuddin al-Ayyubi, di Timur Tengah, mahupun pesantren yang kemudian dikembangkan di Jawa oleh Walisongo yang dipelopori oleh Syaikh Maulana Malik Ibrahim dan Sunan Ampel. Bagaimanapun, pada asasnya penubuhan

¹ Lihat Imam Nahrowi, *Moralitas Politik PKB*, Malang: Averroes, 2006, hlm. 1.

pesantren sama sekali bukan untuk meraih kekuasaan atau mendukung aktivitas politik demi kekuasaan, melainkan ia diasaskan semata-mata untuk tujuan pendidikan dan dakwah.²

Penubuhan Nahdlatul Ulama (NU) pada 1926 oleh KH Hasyim Asy'ari, KH Wahab Hasbullah dan KH Bisri Syansuri pada dasarnya tidak dapat lari dari pertimbangan politik (kekuasaan). Meskipun secara amnya NU menamakan diri sebagai organisasi sosial keagamaan, yang bertujuan untuk memperkasakan masyarakat melalui pendidikan dan dakwah, akan tetapi sejak kelahirannya NU terbabit dengan perkara-perkara politik, bahkan pada awal kemerdekaan sehingga awal tahun 1970-an pernah menjadi parti politik.³

Dalam konteks pola hubungan pesantren dengan politik, penyelidik setidaknyanya menemukan beberapa kecenderungan utama pesantren terhadap Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) iaitu: menyokong secara terbuka, menyokong secara tertutup, dan bebas kepada mana-mana parti politik (*neutral*).⁴ Dalam menjalankan fungsinya sebagai parti politik serta dalam hubungannya dengan pesantren, Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) memerankan fungsi sesuai dengan pola sokongan yang diberikan oleh pesantren tersebut terhadap Partai Kebangkitan Bangsa (PKB). Peranan Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) terhadap pesantren yang menyokong

² Zainal Arifin Thoha, *Runtuhnya Singgasana Kiai*. Kutub, Yogyakarta, 2003, hlm. 183.

³ *ibid*

⁴ Analisis sokongan terhadap PKB lihat Mahrus Irsyam, Memahami Hakikat Nahdlatul Ulama, *Kompas* 22 November 1999. Temu Bual Musa Zainuddin, 20 September 2013.

secara terbuka misalnya, tentu sahaja berbeza dengan perannya terhadap pesantren yang tidak berpihak secara politik.⁵

Terdapat empat fungsi parti politik yang dimainkan oleh Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) kepada pesantren yang menyokong secara terbuka.⁶ Pertama, fungsi agregasi. Fungsi ini sangat menonjol terutama pada masa-masa awal reformasi. Fungsi agregasi ini juga dilakukan Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) terhadap pesantren yang mendukung secara tertutup atau pesantren yang neutral politik. Kedua, fungsi artikulasi. Dalam menjalankan fungsi artikulasinya, pesantren membatasinya pada dua jenis pesantren yang menyokongnya, sama ada yang menyokong secara terbuka mahupun tertutup. Dua fungsi lainnya, fungsi mendidik atau edukasi dan fungsi rekrutmen dibatasi hanya pada pesantren yang menunjukkan sokongannya, sama ada yang terbuka mahupun yang tertutup. Fungsi pemilihan atau rekrutmen ini yang membezakan antara pesantren yang menyokong secara terbuka dan tertutup. Jika terhadap pesantren yang menunjukkan sokongan terbuka, Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) melakukan pemilihan atau rekrutmen langsung kepada pemilik dan pengurus pondok pesantren atau keluarganya, maka di pesantren yang menyokong secara tertutup, Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) hanya melakukan rekrutmen terhadap keluarga pesantren sahaja.⁷

⁵ Huraian lanjut mengenai mengenai peranan pesantren terhadap PKB lihat misalnya, A. Muhaimin Iskandar, *PKB: Politik Rahmatan Lil 'Alamin*, dalam Sahar L. Hasan et.al. (eds.), *Memilih Partai Islam: Visi, Misi dan Persepsi*, Jakarta: Gema Insani Press, 1998

⁶ Ibid.

⁷ Lihat A. Effendy Choirie, *Islam-Nasionalisme UMNO-PKB: Studi Komparasi dan Diplomasi*, Jakarta: Pensil 324, 2008

Dengan menjadikan teori Neumann tentang fungsi parti politik, kajian ini memberikan sumbangan teoritik dalam dua perkara.⁸ *Pertama*, secara faktual, dengan menjadikan peranan Partai Kebangkitan Bangsa (PKB di Lampung khususnya) sebagai kajian kes, penulis melihat bahawa Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) tidak hanya menjalankan empat peranan seperti yang dinyatakan oleh Neumann, tapi juga proses penanaman ideologi. Parti politik tidak hanya berperanan untuk memilih atau merekrut mereka yang berkelayakan untuk menjadi pelapis, tetapi parti politik secara terus menerus menjalankan penanaman ideologi. Sumbangan teoritik berikutnya, meminjam analisisnya Keller, bahawa dalam setiap kumpulan sosial selalu ada *the rulling class* yang berperanan sebagai kumpulan elit. Meskipun posisi kumpulan elit itu ada kalanya ada dalam struktur atau di luar struktur Partai Kebangkitan Bangsa (PKB), tetapi peranan dari kelompok ini amat ketara. Singkatnya, parti politik akan menjalankan peranan dan fungsinya secara berkesan, jika dibantu oleh peranan kumpulan elit ini.⁹

Sejarah politik bangsa Indonesia mengalami fasa perubahan yang luar biasa pada 21 Mei 1998. Fasa ini kemudian dikenali sebagai era reformasi, kerana perubahan yang cukup signifikan dalam percaturan politik Indonesia berikutan kejatuhan Suharto dari kerusi kepresidenan.¹⁰ Peristiwa ini dianggap telah mengubah dasar politik di Indonesia. Hal ini ditandai oleh tiga perkara penting, iaitu: *Pertama*, runtuhnya kekuasaan atau hegemoni Orde Baru dengan asas utamanya ialah parti Golkar (Golongan Karya), yang disokong oleh pentadbiran dan militer. *Kedua*,

⁸ Harry Eickstein dan David E. Apter, *Comparative Politics*, London: The Free of Gloence, 1963, hlm. 352.

⁹ Mengenai peranan elit NU dalam PKB lihat Zainal Abidin Amir, *Peta Islam Politik Pasca-Soeharto*, Jakarta: Pustaka LP3ES, 2003, hlm. 106-115.

¹⁰ Kevin O'Rourke, *Reformasi: The Struggle for Power in Post-Soeharto Indonesia*, NSW: Allen and Unwin, 2002, hlm. 3-22.

munculnya sistem politik multipartai yang memberi peluang kepada setiap kelompok politik dengan pelbagai latar belakang dan ideologi untuk turut serta mengambil bahagian dalam dinamika politik nasional. *Ketiga*, terjadi perubahan dalam hubungan antara agama (baca; Islam) dan negara. Perubahan ini antara lain ditandai dengan: (a) Semakin rancak dan terbukanya gerakan Islam dalam menyampaikan aspirasinya melalui wadah parti politik, (b) Terserapnya pemimpin dan aktivis Islam yang mewakili pelbagai gerakan Islam ke dalam percaturan politik negara.¹¹

Bentuk implikasi dari perubahan di atas, khususnya perkara yang ketiga, adalah semakin beragamnya ekspresi kelompok yang ditandai dengan kebangkitan gerakan Islam di Indonesia, bersamaan dengan terbukanya kebebasan di era reformasi dan proses dinamika politik yang terus bergerak dinamik. Implikasi yang lain adalah munculnya dua arus utama yang dianggap saling bertentangan antara satu dengan yang lain.¹²

Pertama, mereka yang menghendaki penyatuan antara Islam dan negara. Kelompok ini sangat agresif dan terus-menerus berusaha dalam mewujudkan penerapan syariat Islam secara formal sebagai dasar dan undang-undang rasmi negara. Mereka dikenali sebagai kelompok Islam literal-fundamentalis dengan agenda utamanya adalah menjadikan syariat Islam sebagai dasar dalam kehidupan bernegara. Kelompok-kelompok ini sangat aktif dalam perjuangannya, seperti yang

¹¹ Analisis lanjut mengenai perkembangan politik Islam pasca rejim Orde Baru lihat misalnya, Bahtiar Effendy, *Teologi Baru Politik Islam: Pertautan Agama, Negara dan Demokrasi*, Yogyakarta: Galang Press, 2001.

¹² Lihat misalnya Anis Rasyid Baswedan, "Political Islam in Indonesia: Present and Future Trajectory", *Asian Survey*, Vol. XLIV, No. 5, September/October 2004.

dapat kita lihat dalam Hizbut Tahrir Indonesia (HTI), Majelis Mujahidin Indonesia (MMI) dan Front Pembela Islam (FPI).¹³

Kedua, adalah kelompok yang menghendaki pelaksanaan Islam dalam kehidupan publik (termasuk politik-kenegaraan), tetapi tidak dalam bentuk seperti mana yang dikehendaki kelompok pertama yaitu menerapkan praktik syariat Islam dalam kehidupan orang ramai secara formal. Syariat Islam yang dikehendaki mereka ialah semangat dasar dalam ajaran Islam seperti penekanan aspek moral, keadilan, demokrasi, kesejahteraan, kesetaraan gender, pluralisme dan Hak Asasi Manusia (HAM). Kelompok ini adalah lawan dari literalisme, konservatisme dan formalisme agama serta lebih menghendaki adanya sekularisasi dalam kehidupan bernegara. Mereka lebih dikenal dengan nama kelompok Islam liberal-progresif.¹⁴

Keadaan ini menunjukkan betapa terbukanya ruang politik di Indonesia setelah kejatuhan Orde Baru. Keadaan tersebut memberikan kesempatan bagi seluruh elemen masyarakat terlibat aktif dalam politik. Selain kehadiran dua kelompok di atas, perubahan kehidupan politik di Indonesia juga ditandai dengan begitu banyaknya parti politik sebagai sarana beraspirasi. Atas situasi tersebut, umat Islam sendiri tentu juga ingin ikut serta dalam membangun wadah politik yang dapat mewakili kepentingannya.¹⁵

Berdasarkan latar belakang di atas, kajian ini mengambil tajuk besar iaitu Pesantren dan Parti Politik. Dikatakan demikian kerana unit analisis dalam kajian ini

¹³ Kajian tentang FPI misalnya bisa dilihat dalam Al Zastrouw Ng, *Gerakan Islam Simbolik: Politik Kepentingan FPI*, Jogjakarta: LKiS, 2006.

¹⁴ Abd Moqsit Ghazali (ed), *Ijtihad Islam Liberal: Upaya Merumuskan Keberagamaan yang Dinamis*, Jakarta: JIL, 2005.

¹⁵ Leo Suryadinata, *Election and Politics in Indonesia*, Singapore: ISEAS, 2002, 43-73.

meliputi dua perkara tersebut, yaitu: pesantren dan partai politik. Dalam bahagian yang lebih spesifik, kajian ini menumpukan kepada Peranan Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) Dalam Menjalankan Fungsi Partai Politik terhadap Pesantren di Lampung semenjak tahun 1999 hingga 2014. Tajuk ini merupakan representasi dari fokus masalah yang diangkat dengan memasukkan dimensi tempat dan waktunya. Fungsi parti politik yang akan menjadi pembahasan kajian ini sebagaimana dijelaskan dalam kerangka teori (agregasi, pendidikan, artikulasi, rekrutmen) dengan menjadikan Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) sebagai kajian kes.¹⁶

Lampung, dengan alasan yang telah dikemukakan di atas, menjadi tempat dilakukannya kajian ini. Sementara tahun 1999-2014 merupakan batasan waktu, di mana kiprah PKB pada masa itu akan dilihat sebagai bahagian dari objek analisis ini.

Persoalan Kajian

Berdasarkan latar belakang yang telah digambarkan di atas, muncul persoalan yang menjadi titik tolak kajian ini. *Pertama*, apakah peranan yang dimainkan oleh pesantren dalam perkembangan dunia pendidikan dan sosio-politik keagamaan di Indonesia dan khasnya yang berlaku di Lampung? kajian ini akan melihat peranan politik pesantren dilihat dari perspektif sejarah kemunculan lembaga pendidikan Islam tersebut di Indonesia. Seperti gambaran singkat yang telah disampaikan, pesantren tidak hanya hadir sebagai institusi pendidikan keagamaan saja. Pesantren dengan segala komponen yang ada di dalamnya, juga terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang bersifat kemanusiaan. Penguatan nilai-nilai kebangsaan juga dilakukan

¹⁶ Harry Eickstein dan David E. Apter, *Comparative Politics*, hlm. 352.

oleh lembaga ini. Dengan erti perkataan yang lain, pesantren juga melakukan kerja-kerja politik sesuai dengan kapasiti yang mereka punyai.

Kedua, bagaimanakah peranan dan fungsi Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) sebagai parti politik dalam menjaga dan menampung aspirasi dalam kalangan pesantren? Kajian ini tentu saja akan mencermati kerja-kerja politik Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) terhadap pesantren jika dicermati dari fungsi parti politik. Sebagai sebuah institusi politik, Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) di awal kehadirannya merupakan parti yang menjadi saluran bagi warga pesantren. Tetapi perlu dicermati bahwa tidak semua pesantren memiliki garis politik yang sama. Bahkan ada juga pesantren yang tidak memiliki afiliasi (keberpihakan) politik. Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) tentu memiliki strategi untuk menarik suara warga pesantren. Cara dan taktik serta strategi yang digunakan oleh Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) dalam menguatkan diri di pesantren inilah yang menjadi salah satu persoalan kajian.

Ketiga, persoalan terakhir adalah bagaimana cabaran yang dihadapi Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) dalam menjalankan peranan serta fungsinya sebagai parti politik. Meski tradisi politik warga pesantren sesungguhnya telah lama mengakar, tetapi Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) tetaplah wadah baru. Sehingga cabaran selalu ada, baik dari dalam ataupun dari luar. Kajian ini hendak mengelaborasi cabaran yang dihadapi Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) dalam menerjemahkan fungsinya sebagai sebuah parti politik.

Objektif Kajian

Berdasarkan persoalan kajian di atas, kajian ini bertujuan untuk mengkaji peranan pesantren dalam dunia politik dari aspek historis dan peranan Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) dari sisi fungsi parti politik terhadap pesantren. Tujuan kajian ini diperincikan kepada empat objektif khusus seperti berikut:

1. Menganalisis peranan parti politik Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) di Lampung. Peranan parti politik ini dikaitkan dengan kewujudan pesantren. Bagaimana artikulasi peran parti terhadap pesantren sebagai salah satu tunjang kekuatan Partai Kebangkitan Bangsa (PKB). Peranan ini disandarkan pada kerangka teorikal tentang peran parti politik sesuai dengan yang dikenal dalam literatur ilmu politik.
2. Mengkaji sikap politik Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) terhadap pesantren dengan menjadikan fungsi parti politik sebagai perspektifnya. Fungsi partai politik baik agregasi, artikulasi, edukasi maupun rekrutmen akan dijadikan cara pandang untuk melihat bagaimana sikap Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) terhadap pesantren. Di sisi lain, penelitian ini juga akan menunjukkan bagaimana pesantren juga tidak seragam dalam menyikapi hadirnya Partai Kebangkitan Bangsa (PKB). Meski parti ini sering dianggap sebagai representasi dari dunia pesantren, tetapi pada praktiknya, sikap pesantren terhadap Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) tidaklah tunggal.
3. Menganalisis secara mendalam bagaimana tipologi sikap pesantren terhadap Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) dan bagaimana Partai Kebangkitan Bangsa

(PKB) menerjemahkan fungsinya sebagai partai politik kepada pesantren yang berbeda-beda sikapnya tersebut.

4. Mengetahui cabaran yang dihadapi Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) dalam menjalankan peranan serta fungsinya sebagai partai politik. Tarik menarik kekuasaan tentu merupakan bagian dari dinamika yang menghinggapi sebuah institusi politik. Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) juga mengalami situasi tersebut. Baik yang bersifat internal maupun eksternal.

Skop Kajian

Kajian ini difokuskan di satu provinsi, yaitu Lampung. Selama ini, berkembang anggapan bahawa PKB itu hanya dapat diterima di Pulau Jawa. Padahal, dinamika PKB di luar pulau jawa juga cukup berkembang. Salah satunya adalah Provinsi Lampung yang terletak di Pulau Sumatera. Lampung merupakan pintu gerbang utama dari dan menuju ke Pulau Jawa. Tidak menghairankan jika populasi masyarakat Jawa di Lampung masih cukup banyak. Yang berarti, kultur Lampung juga masih sangat dipengaruhi budaya masyarakat di Pulau Jawa.

Sementara untuk menghadkan masanya, kajian ini akan mengambil berat kepada peranan Parti Politik Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) dalam kurun masa 1999 hingga 2014. Dengan mempertimbangkan kewujudan Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) yang julung kalinya mengikuti Pilihan Raya Umum (PEMILU) tahun 1999, sampai dengan selesainya perodesasi hasil pilihan raya umum 2009, iaitu yang berakhir pada tahun 2014 (dalam kurun masa 3 perodesasi hasil pilihan raya umum), sedangkan perodesasi hasil pilihan raya umum tahun 2014 masih sedang

berjalan sehingga belum dapat dilakukan penelitian. Hal ini untuk mempermudah melakukan analisis sokongan pesantren terhadap Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) itu sendiri, dengan bercermin pada hasil perolehan suara di pilihan raya umum menjadi salah satu alat ukur menilai sokongan dari pesantren.

Definisi Parti Politik dalam kajian ini adalah sesuai dengan Undang-undang Nombor 31 Tahun 2002 Republik Indonesia iaitu organisasi politik yang dibentuk oleh sekelompok warga negara Republik Indonesia secara suka rela atas dasar persamaan kehendak dan cita-cita untuk memperjuangkan kepentingan anggota, masyarakat, bangsa dan negara melalui pemilihan umum.

Pemilihan Umum (PEMILU) atau Pilihan Raya Umum adalah sebuah mekanisme politik untuk mengartikulasikan aspirasi dan kepentingan warga negara. Rakyat memberikan suaranya dengan cara mencoblos tanda gambar parti atau calon pilihannya. Sementara, penyelenggara pemilu difasilitasi oleh sebuah lembaga penyelenggara pemilihan umum yang independen¹⁷.

Kawasan Kajian

Lampung adalah provinsi paling selatan di Pulau Sumatera, Indonesia. Di sebelah utara berbatasan dengan Bengkulu and Sumatera Selatan. Di sebelah Barat berbatasan dengan Samudera Indonesia dan Di sebelah Timur berbatasan dengan Laut Jawa. Provinsi Lampung mempunyai luas 35.376,50 km² terletak pada garis


¹⁷ Nadhif Alawi, *Partai Kebangkitan Bangsa Dari Pemilu 2004 menuju Pemilu 2009*, Lembaga Pemenangan Pemilu DPP PKB, 2005.

peta bumi: timur-barat di antara 105' 45' serta 103' 48' bujur timur; utara selatan di antara 30 dan 45' dengan 60 dan 45' lintang selatan. Daerah ini di sebelah barat berbatasan dengan Selat Sunda dan di sebelah timur dengan Laut Jawa. Provinsi Lampung memiliki posisi yang strategis karena menjadi perlintasan utama jalur hubungan darat dan laut antara wilayah Sumatera dan Jawa. Lampung merupakan pintu gerbang utama dari dan menuju ke Pulau Jawa. Tak heran jika populasi masyarakat Jawa di Lampung masih cukup banyak. Yang berarti, budaya atau kultur Lampung juga masih sangat dipengaruhi oleh budaya masyarakat di Pulau Jawa.¹⁸

Suara Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) di provinsi ini relatif stabil. Untuk perolehan di Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD) Provinsi Lampung, pemilu tahun 1999 meraih 6 kerusi, lalu 5 kerusi untuk pilihan raya umum 2004 dan 2009. Sementara untuk suara DPR RI PKB Provinsi Lampung mengirimkan 2 wakilnya untuk tahun 1999 serta meraih 1 kursi di tahun 2004 dan 2009. Dilihat dari posisi politik (baca: luar Jawa), jelas ini merupakan prestasi tersendiri bagi Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) Lampung.¹⁹

¹⁸ Temu Bual Mahrus As'ad (Dosen STAIN Metro), 21 September 2013

¹⁹ www.pemilu.asia



Rajah 1.1: Peta Lampung Indonesia

Sebelum berdiri sendiri, provinsi Lampung adalah bahagian daripada provinsi Sumatera Selatan. Pembentukan Provinsi Lampung dimulai dengan keputusan bersama seluruh Bupati (Kepala Daerah) dan Residen Lampung pada 1962. Ketika itu, tercetuslah petisi berupa penuntutan agar Keresidenan Lampung diubah statusnya menjadi Daerah Swatantra Tingkat I. Kita kemudian mengenalnya dengan Daswati I Lampung. Terpisah dengan Daswati I Sumatera Selatan sebagai induk.²⁰

Selanjutnya sembilan parti politik kemudian berinisiatif membentuk jawatankuasa (panitia). Seluruh organisasi kemasyarakatan dan cawangan parti politik di Lampung diundang dalam musyawarat pada 5 Maret 1963 untuk merasmikan berdirinya jawatankuasa dan mengesahkan Program Perjuangan

²⁰ Laman rasmi provinsi Lampung <http://www.lampungprov.go.id/halaman-8-sejarah-lampung> diakses 07 Desember 2015 pukul 15.30

Penuntutan Berdirinya Daswati I Lampung bertempat di Gedung BPR Tanjungkarang. Sementara itu, seluruh perwakilan parti politik/organisasi berkumpul di pejabat jawatankuasa untuk meneruskan musyawarat. Hingga 7 Maret 1963, panitia ini resmi berdiri. Berdasarkan keputusan Menteri Dalam Negeri tertarih 14 Desember 1963, Nomor BK 2/103/5472 – A17/1313.3, lalu Pemda Daswati I Sumatera Selatan mengeluarkan surat keputusan tertarih 8 Januari 1964, Nomor: L.5/1964, pemerintah pusat menyetujui pembentukan Daswati I Lampung dalam waktu sesingkat-singkatnya.²¹

Barulah pada 7 Januari 1964, diadakan musyawarat dinas oleh Gubernur atau Kepala Daswati I Sumatera Selatan yang dihadiri catur tunggal, para bupati, wali kota, anggota DPRGR/BPH Tingkat I dan Ketua Front Nasional se-Keresidenan Lampung. Dalam musyawarat, dibicarakan mengenai persiapan pembentukan Daswati I Lampung.²² Provinsi Lampung sah lahir pada tarikh 18 Maret 1964 dengan ditetapkannya Peraturan Pemerintah Nomor 3/1964 yang kemudian menjadi Undang-undang Nomor 14 tahun 1964.²³

Lampung adalah salah satu wilayah di pulau Sumatra yang memiliki tingkat kepadatan penduduk cukup tinggi. Pembauran antara penduduk asli dan pendatang telah menghasilkan perkawinan silang yang semakin menambah keekaragaman budaya. Jumlah penduduk lampung saat ini berdasarkan data tahun 2014 adalah sebanyak 7.972.246 orang yang terdiri dari 4.101.852 lelaki dan 3.870.394 perempuan.²⁴


²¹ Ibid.

²² Ibid.

²³ Ibid.

²⁴ Lampung dalam Angka 2014

Sebaran penduduk di masing-masing kabupaten dapat dilihat pada tabel dibawah ini.



Rajah 1.2: Jumlah Penduduk Lampung Pada Tahun 2014
Sumber : Kemendagri 2014

Program pengiriman penduduk ala pemerintah kolonial Belanda ini sesungguhnya adalah cikal-bakal program transmigrasi yang akan dilakukan pemerintah Indonesia puluhan tahun kemudian. Setelah merdeka, program perpindahan penduduk dari Jawa ke Lampung itu pun dilanjutkan. Namanya bukan kolonisasi, tetapi transmigrasi. Pada tahun 1950 Pemerintah Orde Baru mencanangkan Program Transmigrasi dan mengirim penduduknya keluar Jawa. Seakan mengikuti jejak pemerintah kolonial Belanda, lagi-lagi salah satu daerah yang dituju untuk pengiriman para transmigran adalah di desa bagelen kecamatan gedong tataan, Lampung. Setelah merdeka, program perpindahan penduduk dari Jawa ke Lampung itu pun dilanjutkan. Namanya bukan kolonisasi, tetapi transmigrasi. Para transmigran asal pulau Jawa ini kemudian menyebar ke daerah-daerah di Lampung. Sebagian menetap di Pringsewu dan menamakan daerah yang

mereka tempati sesuai kampung halaman mereka, sebagian lain menyebar ke daerah Metro, Tulang Bawang , Mesuji dan lain-lain.²⁵

Pada periode tahun 1950-1969 perpindahan penduduk ke Lampung mencapai 53.263 keluarga atau sebanyak 221.035 jiwa. Memasuki era Pembangunan Lima Tahun (Pelita), Lampung mendapat lagi tambahan penduduk sebanyak 22.362 kepala keluarga asal Jawa, Madura, dan Bali. Gencarnya perpindahan penduduk itu berdampak pada terjadinya ledakan penduduk. Kalau pada tahun 1905 penduduk Lampung kurang dari 150 ribu dan didominasi suku asli Lampung, kini orang Jawa di Lampung mencapai sekitar 60 persen dari total penduduk Lampung sebanyak 7 juta jiwa. Kedatangan rombongan transmigran ke wilayah-wilayah yang sepi penduduk di Lampung sedikit banyak menyebabkan terjadinya percampuran budaya.²⁶

Berdasarkan hasil studi yang dilakukan Kantor Bahasa Provinsi Lampung dalam buku *Persebaran Bahasa-Bahasa di Provinsi Lampung* penduduk di provinsi ini juga tidak lagi didominasi suku Lampung. Masyarakat bersuku Jawa mendominasi dengan 61,88% (4.113.731 jiwa), Lampung 11,92% (729.312 jiwa), Sunda 11,27% (749.556 jiwa), serta suku-suku lainnya seperti Bengkulu, Batak, Minang, dan Bugis 11,35% (754.989 jiwa).²⁷

²⁵ <http://www.teraslampung.com/2014/02/sejarah-kolonisas-di-lampung-mereka.html>, diakses pada 12 Desember 2016 Pukul 23.34

²⁶ Ibid.

²⁷ Danardana, Agus , *Persebaran Bahasa-Bahasa di Provinsi Lampung*, Bandar Lampung : Kantor Bahasa Provinsi Lampung, 2008, hal 1-2

Kepentingan Kajian

Kajian ini memiliki beberapa kekhasan yang membezakannya dengan kajian-kajian lepas. Pertama, dari sisi wilayah penelitian. Karena Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) kerap diidentikkan dengan Jawa, maka dinamika parti yang terjadi di luar Jawa sering kurang mendapatkan perhatian. Padahal kontribusi Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) yang berada di luar Jawa cukup konsisten. Lampung merupakan salah satu wilayah di luar Jawa yang secara terus menerus mengirimkan wakilnya ke DPR RI (parlimen) setiap kali pemilu berlangsung. Dari pemilu ke pemilu, peta persebaran kekuatan Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) memang terus menyebar. Perlahan tapi pasti, Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) menjadi parti politik yang mulai mendapatkan tempat di hati konstituen (pemilih) luar Jawa.

Tak dapat dipungkiri, Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) merupakan parti yang berakar di Jawa, khususnya Jawa Timur dan Jawa Tengah. Ini tentu tak bisa dilepaskan dari kekuatan pemilih tradisional Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) yang adalah warga *nahdliyyin*. Adalah hal yang lumrah jika kemudian Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) mendapatkan banyak suara dari Jawa. Dan sebaliknya, menjadi sesuatu yang menarik untuk ditelusuri jika suara Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) cukup signifikan di luar Jawa. Faktor yang melatarbelakangi perolehan suara PKB di luar Jawa adalah bahasan yang layak untuk dikaji.

Kedua, dari kajian yang sudah ada, pendekatan yang melihat keterkaitan antara parti, fungsi parti dan basis masa (baca: pesantren) belum banyak dibahas. Atas alasan inilah penulis menjadikan fungsi parti politik sebagai perspektif untuk melihat PKB dalam hubungannya dengan pesantren yang menjadi komunitas intinya.

Sebagai institusi sosial, pesantren tentu memiliki pengaruh. Besarnya pengaruh yang dimiliki oleh pesantren berbanding lurus dengan kehadiran pemimpin yang memiliki basis masa kuat. Kiai, sebagai pimpinan di pesantren menjadi tokoh sentral dalam membangun serta mengembangkan masyarakat. Kerana perannya yang sangat vital, terutama dalam aktiviti keagamaan, maka kiai dan pesantren kerap menjadi rujukan masyarakat. Dalam perkembangannya kemudian, terjadilah pelembagaan politik di pesantren.

Dalam kasus Partai Kebangkitan Bangsa (PKB), pesantren dan parti tersebut memiliki hubungan yang simbiotik. Perwujudannya ada dalam berbagai macam bentuk. Meski tidak semuanya sama, tetapi bagi Partai Kebangkitan Bangsa (PKB), pesantren itu tidak hanya sekadar menjadi basis dukungan, tetapi pesantren merupakan tempat kaderisasi para politisi. Kader-kader yang menjadi anggota partai, sebagian besar merupakan individu yang memiliki hubungan dengan pesantren.

Kerangka Teori

Menurut Sigmund Neumann dalam “Modern Political Parties”, seperti dikutip Harry Eckstein dan David E. Apter memberikan pengertian tentang apa yang disebut sebagai parti politik. Neumann menyatakan bahawa yang dimaksud dengan parti politik:

*“A political party is the articulate organization of society’s active political agents, those who are concerned with the control of governmental power and who are compete for popular support with another group or groups holding divergent views”.*²⁸

²⁸ Harry Eckstein dan David E. Apter, *Comparative Politics*, hlm. 352

Sedangkan menurut Miriam Budiardjo dalam bukunya “Partisipasi dan Parti Politik” mengatakan bahwa parti politik adalah suatu kelompok yang tersusun dan terorganisir, yang ahli-ahlinya mempunyai orientasi, nilai-nilai, dan cita-cita yang sama.²⁹ Dari tiga pengertian yang diangkat para pakar tersebut menunjukkan bahwa parti politik terwujud berdasarkan persamaan kehendak atau cita-cita yang akan dicapai bersama. Kehadiran parti politik sebagai cerminan bahwa hak-hak asasi manusia mendapat tempat yang terhormat, terutama hak menyatakan pendapat, mahupun hak untuk berkumpul. Oleh sebab itu kehadiran parti politik dalam kegiatan partisipasi politik memberi warna tersendiri, hal ini berdasar kepada fungsi yang melekat pada parti politik tersebut.

Adapun fungsi parti politik, menurut Sigmund Neumann ada 4 (empat)³⁰ iaitu: *Pertama*, fungsi agregasi. Parti menggabungkan dan mengarahkan kehendak umum masyarakat yang kacau. Sering kali masyarakat merasakan dampak negatif suatu polisi kerajaan. Namun ketidakpuasan mereka kadang diungkapkan dengan pelbagai ekspresi yang tidak jelas dan bersifat sporadik. Maka parti mengagregasikan berbagai reaksi dan pendapat masyarakat itu menjadi suatu kehendak umum yang terfokus dan terumuskan dengan baik.

Kedua, fungsi pendidikan.³¹ Parti mendidik masyarakat agar memahami politik dan mempunyai kesedaran politik berdasarkan ideologi parti. Tujuannya adalah mengikutsertakan masyarakat dalam politik sedemikian sehingga parti mendapat sokongan masyarakat. Cara yang ditempuh misalnya dengan memberi

²⁹ Yenny Zanuba Wahid (ed.), *9 Tahun PKB: Kritik dan Harapan*, Jakarta: Panitia Harlah PKB, 2007

³⁰ Harry Eickstein dan David E. Apter, *Comparativ Politics*, hlm. 352.

³¹ Ibid

penerangan atau agitasi menyangkut polisi kerajaan serta menjelaskan arah mana yang diinginkan parti agar masyarakat turut terlibat dalam perjuangan politik parti.

Ketiga, fungsi artikulasi. Parti merumuskan dan menyuarakan (mengartikulasikan) pelbagai kepentingan masyarakat menjadi suatu saran dan usulan polisi yang disampaikan kepada kerajaan agar dijadikan suatu polisi awam (*public policy*).³² Fungsi ini sangat dipengaruhi oleh jumlah kader suatu parti, kerana fungsi ini mengharuskan parti terjun ke masyarakat dalam semua peringkat dan lapisan. Bila fungsi ini dilakukan ditambah dengan fungsi pendidikan, ia akan menjadi komunikasi dan sosialisasi politik yang sangat efektif dari parti yang selanjutnya akan menjadi gam pererat antara parti dan orang ramai.

Keempat, fungsi perekrutan. Ini bererti parti melakukan upaya rekrutmen, baik rekrutmen politik dalam erti menempatkan atau mendudukkan ahli parti kedalam parlimen yang menjalankan peran legislasi dan koreksi mahupun kedalam badan-badan kerajaan, mahupun pemilihan atau rekrutmen parti dalam erti menarik individu masyarakat untuk menjadi pelapis baru kedalam parti.³³ Rekrutmen politik dilakukan dengan jalan mengikuti pilihan raya dalam segala tahapannya hingga proses pembentukan kekuasaan. Kerananya, fungsi ini sering disebut juga fungsi perwakilan atau representasi.

³² Ibid.

³³ Ibid.

Kajian Literatur

Ada beberapa karya yang mencoba menghuraikan tentang gagasan-gagasan politik yang ditelurkan oleh Partai Kebangkitan Bangsa (PKB), termasuk sejarah konflik parti ini yang ditulis oleh kalangan dalam parti itu sendiri. Karya ini sesungguhnya cukup kaya dengan maklumat, kerana mengetengahkan data dan rekam jejak Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) dalam kurun waktu tertentu sebagai mesin politik. Meski tajuknya laporan kerja, sesungguhnya buku ini amat menyeluruh dan komprehensif dalam memuat asas-asas perjuangan Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) serta misi yang ingin diperjuangkan Partai Kebangkitan Bangsa (PKB).³⁴ Buku ini ingin menegaskan bahawa Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) adalah parti pembela atau advokasi, yang cuba untuk berkhidmat dan memperjuangkan kepentingan kelompok-kelompok lemah yang kerap kali dipinggirkan dalam proses pembangunan, seperti masyarakat di perkampungan, buruh, petani, guru, nelayan, institusi pesantren dan sebagainya. Paparan dalam karya tersebut sesungguhnya memberikan data yang boleh dikatakan sangat lengkap dan menyeluruh. Dengan kata lain, buku ini memberikan kita kesempatan untuk mengetahui secara terperinci bagaimana sesungguhnya arah perjuangan politik Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) serta pelbagai hal yang menjadi seluk beluk parti berlambang bola dunia ini. Namun, kerana kapasitinya sebagai "laporan", maka boleh dikatakan buku ini bukanlah suatu karya akademik.³⁵

Buku lain tentang Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) yang ditulis KH. Musthofa Bisri atau yang lebih dikenali dengan panggilan Gus Mus. Buku ini

³⁴ Ahsanul Minan, et.al., *Khidmat Kami Bagimu Negeri: Laporan Kinerja Fraksi Kebangkitan Bangsa DPR RI 2005-2006*, Jakarta: FPKB DPR RI, 2007, hlm.53

³⁵ Ibid.

merupakan kumpulan tulisan dari KH. Mustofa Bisri (Gus Mus) tentang KH. Abdurrahman Wahid (Gus Dur), NU dan Partai Kebangkitan Bangsa (PKB). Kekuatan buku ini ialah kerana ia ditulis oleh Gus Mus salah seorang pendiri Partai Kebangkitan Bangsa (PKB), ia merupakan orang yang berterusan mengikuti jalan pemikiran dan gaya berpolitiknya Gus Dur yang banyak dikatakan orang pelik atau nyeleneh dan terlalu kehadapan menembus ruang dan masa. Dengan gaya tulisan yang khas dan renyah,³⁶ Gus Mus cuba menelanjangi dengan kaca mata seobjektif mungkin dalam segala hal yang berkaitan dengan Gus Dur dan Partai Kebangkitan Bangsa (PKB). Goresan Gus Mus merupakan pintu masuk yang cukup sederhana bagi sesiapa yang ingin mengetahui sepak terjang, sejarah konflik Gus Dur dalam berpolitik dan Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) yang tidak boleh dipisahkan. Dalam buku ini sampai-sampai Gus Mus mengistilahkan dengan kata palang atau garis miring, sebuah diksi yang tampaknya paling objektif dalam menilai dan menceritakan Gus Dur dan Partai Kebangkitan Bangsa (PKB). Membaca buku ini kita dapat mengetahui bagaimana sesungguhnya perseteruan Partai Kebangkitan Bangsa (PKB), NU dan Gus Dur berlangsung di dalam dirinya sendiri. Hanya sahaja, kerana kapasitinya sebagai bunga rampai, maka kekuatan reflektifnya jauh lebih terasa daripada ketajaman analisisnya.

Karya yang cukup terasa analisisnya ditulis Imam Nahrowi yang menjelaskan bagaimana Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) mesti dibentuk lebih baik untuk Indonesia pada masa hadapan. Dalam buku ini penulis lebih jauh menjelaskan bahawa dalam sebuah parti politik mesti dihindari naluri untuk hanya merebut

³⁶ Musthofa Bisri, *Gus Dur Garis Miring PKB*, Surabaya: Mata Air, 2008, hlm. 55

jawatan semata-mata tanpa mengetahui kegunaan jawatan itu sendiri.³⁷ Dalam karyanya tersebut, Nahrowi menuturkan jika sikap-sikap pragmatik yang hanya memperebutkan kekuasaan semata-mata jelas sangat merugikan perjuangan. Sikap tersebut hanya berisi muslihat politik yang dilakukan orang sahaja tanpa ada kejelasan untuk apa ia ada. Pada titik inilah menurut Nahrawi Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) hadir sebagai politik yang lebih mendahulukan moraliti. Kerananya, peranan Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) yang semakin lama semakin penting mengharuskan adanya bentuk atau format yang jelas dimasa hadapan untuk menjamin agar keputusan-keputusannya yang diambil mampu memenuhi keperluan sebuah bangsa dan negara yang besar. Buku yang ditulis Nahrawi ini salah satunya berisi usulan bagaimana semestinya Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) bersikap dimasa hadapan di tengah-tengah pragmatisme politik dan semakin terhakisnya moraliti parti-parti politik. Imam Nahrawi, sebagai tenaga muda yang akan menentukan masa hadapan Partai Kebangkitan Bangsa (PKB), dengan sendirinya ia menjadi terlibat dalam pencarian bentuk dan format tetap itu sendiri. Semestinya ada benang halus yang akan menentukannya dalam jangka panjang dalam proses meniti kepemimpinan itu dalam pelbagai tingkatan.³⁸

Karya lain yang bertutur tentang sikap dan polah politik Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) dan ditulis secara gotong royong oleh Muh Hanif Dhakiri, Eman Hermawan, Umaruddin Masdar mencoba membangun formulasi yang ideal untuk PKB di masa yang akan datang.³⁹ Point penting yang menjadi bahan refleksi bersama dalam buku tersebut adalah terkait dengan nalar berorganisasi yang masih diterapkan oleh Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) selama ini. Mereka menyebut

³⁷ Imam Nahrowi, *Moralitas Politik PKB*, Malang: Averroes, 2006, hlm. 18.

³⁸ Ibid.

³⁹ Hanif Dhakiri, et.al., *PKB Masa Depan*, Jakarta: DPP Partai Kebangkitan Bangsa, 2006.

pengorganisasian parti yang bergaya "manajemen gardu ronda". Model itu mengukuhkan eksistensi nalar kerumunan dalam Partai Kebangkitan Bangsa (PKB). Nalar kerumunan boleh dikatakan terkait dengan cara berpikir politik yang berbasis isu, momentum, bersifat jangka pendek, spontan dan tentu saja tidak terlembaga dalam organisasi parti. Dalam perspektif pengurusan parti, bekerjanya nalar kerumunan menandai pengorganisasian parti yang tidak profesional alias tidak memiliki tata kelola yang baik (*bad governance*). Nalar kerumunan inilah yang, dalam kesimpulan teman-teman, menggerakkan politik gardu yang kebelakangan terjadi di beberapa cawangan Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) di daerah. Kerana model seperti itu sudah tidak produktif, baik bagi perwujudan cita-cita perjuangan parti secara keseluruhan maka, mereka merasa perlu untuk merubah cara tersebut. Mereka mengistilahkan politik korporasi yang berbasis nalar organisasional. Cara inilah yang dianggap sebagai format Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) di masa yang akan datang.⁴⁰

Sementara karya tentang pesantren boleh dilihat misalnya dalam Zamakhsyari Dhofier. Buku "Tradisi Pesantren" ini boleh dikatakan sebagai buku asas dalam studi mengenai pesantren. Dhofier melakukan kajian di Tebuireng Jombang dan Tegalsari Salatiga. Kajiannya memfokuskan pada perubahan yang dialami oleh pesantren serta kesinambungannya. Yang dia jelaskan juga adalah soal tradisi intelektual sesama anggota kerabat kiai termasuk pernikahan diantara keluarga-keluarga kiai.⁴¹

⁴⁰ Ibid.

⁴¹ Zamakhsyari Dhofier, *Tradisi Pesantren*, Jakarta: LP3ES, 1972.

Karya lain tentang psantren ditulis oleh Manfred Ziemek (1996) yang merupakan kajian tentang pesantren yang melakukan kajian analitik tentang peran serta fungsi pesantren dalam pengembangan masyarakat desa. Dia kemudian melihat tentang potensi pendidikan dan kemasyarakatan di Indoensia. Dan potensi itu dia lihat dalam pondok pesantren tradisional.⁴²

Berbeza dengan karya lainnya dalam membahas pesantren, buku karya Muhtarom mencermati persoalan globalisasi dan bagaimana ulama pesantren menghadapinya. Santri di era globalisasi yang terpengaruh dengan globalisasi terlihat lebih kritis dibandingkan dengan santri sebelum globalisasi. Globalisasi kemudian mempengaruhi pola pikir ustaz, tetapi tetap hidup dalam format yang sederhana. Para kiai pun menggunakan produk globalisasi. Mereka melakukan antisipasi terhadap globalisasi itu dengan tetap meneguhkan ajaran Islam dan nilai Islam substantif, mengintensifkan budaya teknokratik dan demokratik yang dibincangkan dalam *bahs al-masail*.⁴³

Seperti halnya karya Muhtarom, karya Amin Haedari berbicara mengenai eksistensi pesantren di era teknologi informasi. Menurut Haedari indikasi pesantren menerapkan teknologi informasi itu salah satu alasannya kerana pengelola data pesantren memerlukan data terkini yang terjamin keakuratannya secara tepat, tanpa beranjak dari lokasinya. Kerananya, informasi teknologi di pesantren berfungsi sebagai saluran informasi khasanah keislaman berbasis teknologi informasi.⁴⁴

⁴² Manfred Ziemeck, *Pesantren dalam Perubahan Sosial*, Jakarta: P3M, 1976.

⁴³ Muhtarom, *Reproduksi Ulama di Era Globalisasi*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2014.

⁴⁴ Amin Haedari, *Panorama Pesantren dalam Cakrawal Modern*, Jakarta: Diva Pustaka, 2004.

Anasom menjabarkan tentang kepemimpinan kiai yang merupakan figur sentral di pesantren. Kemunculan sentrum kiai ini tidak hanya ada dalam lingkup pesantren, tetapi juga sampai ke daerah atau wilayah tertentu. Kiai pun akhirnya menjadi anutan dan rujukan bagi masyarakat sekitarnya. Dengan mengkaji kepemimpinan dan patronase Kiai Muslih di Pesantren Jawa, Anasom melakukan kajian terhadap fenomena ini.⁴⁵

Yang menarik juga adalah karya Imam Bawani dan kawan-kawan dalam melakukan kajian terhadap bagaimana membangun pesantren buruh kilang dan kehidupan buruh kilang di Jawa Timur. Buruh kerap dihipit oleh persoalan-persoalan yang pelik dan sukar. Selain tuntutan bekerja, mereka juga dihadapkan pada masalah internal dalam interaksinya dengan lingkungan masyarakat sekitar. Kerana itu, Imam Bawani dan kawan-kawan berusaha untuk menyajikan jawapan atas persoalan itu, bagaimana menghadapinya dan bagaimana pendidikan pesantren yang ideal dengan keperluan mereka.⁴⁶

Dalam karya yang disunting oleh A Halim, beberapa penulis di dalamnya berupaya untuk memetakan persoalan yang ada di lembaga pendidikan tradisional itu. Di zaman dahulu, pesantren semata-mata hanya berkecimpung dengan kitab-kitab kuning. Pengelolaannya pun semata-mata dilakukan oleh kiai yang kharismatis. Tetapi, zaman sekarang, pesantren harus melakukan pembaharuan dalam *manage* dirinya dalam hal informasi, sumber daya, ekonomi dan lainnya. Buku ini mencuba untuk memberi solusi atas persoalan-persoalan tersebut.⁴⁷

⁴⁵ Anasom, *Kiai, Kepemimpinan dan Patronase*, Semarang: Pustaka Rizki Putra, 2009.

⁴⁶ Imam Bawani, et.al., *Pesantren Buruh Pabrik*, Yogyakarta: LKIS, 2011.

⁴⁷ A. Halim, *Manajemen Pesantren*, Yogyakarta: Pustaka Pesantren, 2005.

Tulisan lain tentang pesantren disajikan oleh Hamdan Farchan dan Syarifuddin. Buku yang ditulis oleh kedua-dua ilmuwan itu mengkaji tentang konflik dan resolusi konflik di pesantren. Buku tersebut memetakan persoalan konflik di pesantren, bagaimana model resolusinya dan sejauhmana peranan kiai dalam menyelesaikan konflik tersebut.⁴⁸

Karya yang secara umum membahas dinamika Islam dan Partai Politik di Indonesia bisa dicermati dalam beberapa tulisan. Pembahasan tentang Islam di Indonesia, baik dari sisi keragaman maupun politiknya ditulis Robert Pringle. Praktek keberislaman di Indonesia, menurut Pringle menunjukkan sesuatu yang sangat kaya. Kekuatan keragaman di Indonesia merupakan kombinasi dari akar yang dalam serta mitologi nasional yang meresap. Perkembangan Islam di Indonesia juga tidak bisa dilepaskan dari kekuatan politik. Di era Soeharto misalnya, secara politik Islam mengalami keterpinggiran, meski pada akhir masa kekuasaannya Soeharto mencoba untuk meraih simpatik dari kalangan muslim. Memahami Islam di Indonesia, berarti memahami soal keragaman ekspresi, termasuk pilihan-pilihan politiknya.⁴⁹

Kajian tentang Islam dan Demokrasi di Indonesia dapat dicermati dalam tulisan Saiful Mujani. Tulisan yang terhasil dari disertasi doktor falsafah di The Ohio State University tersebut hendak menguji kompatibiliti antara Islam dan Demokrasi yang kerap dicitrakan sebagai sebuah hubungan negatif. Pandangan tersebut biasanya didasarkan pada tradisi Islam yang sama, yang ditafsirkan dengan cara lain. Mujani menguji kesahihan teori yang menyatakan bahawa Islam bertentangan

⁴⁸ Hamdan Farchan dan Syarifuddin, *Titik Tengkar Pesantren: Resolusi Konflik Masyarakat Pesantren*, Yogyakarta: Pilar Media, 2005.

⁴⁹ Robert Pringle, *Understanding Islam in Indonesia: Politics and Diversity*, Singapore: Edition Didier Millet PTE, 2010.

dengan demokrasi. Mana unsur yang berhubungan secara negatif diantara keduanya. Mujani mendefinisikan Islam secara empirik dan budaya demokrasi (modal sosial, toleransi politik, keterlibatan politik, sikap percaya pada institusi demokrasi, serta sokongan pada sistem demokrasi) dan penyertaan politik.⁵⁰

Di Indonesia, negara dengan penduduk muslim terbesar di dunia, ditemukan fakta bahwa respon masyarakat muslim terhadap hubungan Islam dan demokrasi justeru positif. Islam yang didefinisikan sebagai satuan ibadah (wajib dan sunnah), jaringan keterlibatan kewargaan Islam, identiti sosial Islam, dan orientasi politik Islam (Islamisme) tidak memiliki hubungan negatif dengan demokrasi. Satu-satunya yang memiliki hubungan negatif yang signifikan ditemukan pada satu dimensi Islam, iaitu Islam dan toleransi kepada kaum Kristian. Namun, Mujani menegaskan bahawa Islam yang tidak toleran bukanlah partisipan politik yang aktif, tetapi pasif. Semua unsur Islam sangat berhubungan atau berkorelasi positif dengan keterlibatan individu yang sekular, keterlibatan politik dan partisipasi politik.⁵¹

Fragmentasi kekuatan Islam politik selepas reformasi dibahas oleh Firman Noor dalam disertasinya. Karya ini menampilkan Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) dan Partai Keadilan Sejahtera (PKS) sebagai dua parti yang dijadikan sebagai objek penelitian. Disertasi itu hendak menjawab pertanyaan tentang mengapa parti-parti politik Islam, dalam dekad pertama era reformasi, menderita fragmentasi dalaman dan telah gagal mengembangkan kohesi, namun disisi lain ada parti Islam yang mampu mengembangkan konsolidasi dengan baik. Karya tersebut membahas dan

⁵⁰ Saiful Mujani, *Religious Democrats: Democratic Culture and Muslim Political Participation in Post-Suharto Indonesia*, Dissertasi PhD The Ohio State University, 2003.

⁵¹ Ibid.

menganalisis faktor-faktor dan alasan dibalik masalah kohesi parti-parti politik Islam dengan mengaitkannya dengan adanya pelembagaan parti.⁵²

Menurut Noor, Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) merupakan teladan bagi parti-parti Islam di awal reformasi. Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) bahkan mampu menjadi parti Islam terbesar ketika pilihan raya umum 1999. PKS, meski gagal melepasi had suara minimum di tahun 1999, mampu mempertahankan disiplin dan kesatuan dalaman atau internal. Kohesi dan fragmentasi sebuah parti politik akan sangat dipengaruhi oleh adanya kepemimpinan prosedural dalam proses pengambilan keputusan, keberkesanan mekanisme resolusi konflik dalaman, kelanjutan program pelapis yang sistematik dan komitmen terhadap nilai-nilai bersama.⁵³

Menurunnya perolehan suara kelompok Islam politik di Indonesia ditulis oleh Sunny Tanuwidjaja.⁵⁴ Menurutnya agama, khasnya Islam masih memainkan peranan yang signifikan dalam kehidupan bangsa Indonesia. Meskipun dalam kenyataan di dunia politik, penurunan kekuatan parti Islam itu terlihat jelas, tetapi itu tidak kemudian menjadikan peran Islam dalam kehidupan politik juga menurun. Penurunan itu, menurut Sunny, lebih tepat diertikan bahawa dalam politik, umat Islam itu rasional dan agama tidak lagi mempengaruhi terhadap pilihan politiknya. Penurunan kekuatan elektoral parti Islam mesti ditafsirkan bukan sebagai penurunan Islam politik melainkan sebaliknya: Umat Islam ada di parti politik berbasis nasionalis, sekuler dan Pancasila dan itu membuat parti-parti tersebut lebih kuat

⁵² Firman Noor, *Institutionalising Islamic Political Parties in Indonesia: A Study of Internal Fragmentation and Cohesion in the Post-Soeharto Era (1998-2008)*, Disertasi di University of Exeter, 2012.

⁵³ Ibid.

⁵⁴ Sunny Tanuwidjaja, *Political Islam and Islamic Parties in Indonesia: Critically Assessing the Evidence of Islam's Political Decline*, *Contemporary Southeast Asia*, Vol. 32, No. 1, April 2010.

dalam menghadapi parti-parti Islam, yang tidak lagi menjadi saluran tunggal aspirasi Islam.⁵⁵

Kaedah Penyelidikan

Kajian yang dijalankan merupakan bentuk kajian kualitatif di mana melibatkan analisis deskriptif terhadap data survey. Data yang disajikan dalam bentuk verbal bukan dalam bentuk angka.⁵⁶ Mengutip Bogdan dan Taylor, Lexy J. Moleong mengatakan bahawa metodologi kualitatif adalah prosedur penelitian yang menghasilkan data diskriptif berupa kata-kata tertulis atau lisan dari orang-orang dan perilaku yang dapat diamati.⁵⁷ Pemerian data amat rinci dan ketal. Kajian dan pengajuan soalan dilakukan secara mendalam. Banyak menggunakan kutipan langsung untuk menjangkau perspektif dan pengalaman pribadi responden.⁵⁸

Data yang digunakan terdiri daripada data primer dan data sekunder. Data primer adalah pengambilan data yang dihimpun langsung oleh penyelidik, sedangkan data sekunder adalah data yang di himpun melalui tangan kedua⁵⁹. Data primer kajian ini diperoleh daripada temu bual secara bersemuka dan mendalam (*indeep interview*) antara penyelidik dan responden terhadap 31 orang responden yang dipilih secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang terdiri daripada ahli jawatankuasa pesantren dan Partai Kebangkitan Bangsa (PKB).

⁵⁵ Ibid., hlm. 29-49.

⁵⁶ Noeng Muhajir, *Metodologi Penelitian Kualitatif*, Yogyakarta: Rake Sarasin, 1996. Dibandingkan, Hardawi dan Mimi Martin, *Penelitian Terapan*, Yogyakarta: Gajahmada University Press, 1996.

⁵⁷ Lexy J Moleong, *Metodologi Penelitian*, hlm. 103.

⁵⁸ Suyanto B dan Sutinah, *Metode Penelitian Sosial*, Jakarta: Kencana Prenada Media Group. 2008, hlm:184.

⁵⁹ Anwar, M.I., *Skala Pengukuran dan Variable-variable Penelitian*, Bandung, 2007

Data sekunder diperoleh dari pelbagai sumber data yang sesuai dengan kepentingan kajian melalui penelusuran terhadap bahan-bahan pustaka (*library research*) yang menjadi sumber data, sumber data tersebut berupa literatur yang berkaitan dengan substansi kajian ini.⁶⁰ dengan cara mendalami, mencermati, menelaah dan mengidentifikasi pengetahuan yang ada dalam kepustakaan seperti: sumber bacaan, buku referensi, hasil penelitian laporan, makalah, jurnal, data perangkaan, rancangan, dokumen dasar dan sebagainya yang telah ditertibkan.

Semua data yang berhubungan dengan permasalahan kajian akan penulis bahas secara komprehensif dan sistematis. Dalam memberikan interpretasi data yang diperoleh, penulis di sini menggunakan metode analisis deskriptif yaitu suatu metode penelitian yang dimaksud untuk membuat gambaran mengenai situasi-situasi atau kejadian-kejadian.⁶¹ Analisis data adalah proses mengorganisasikan dan menyusun data dalam bentuk, pola, kategori, dan satuan huraian dasar sehingga dapat ditemukan tema dan dapat dirumuskan idea yang disarankan oleh data. Metode ini digunakan untuk menggambarkan konsep sebagaimana adanya agar mendapatkan gambaran yang terkandung dalam konsep tersebut

⁶⁰ M. Iqbal Hasan, *Pokok-pokok Materi Metodologi Penelitian dan Aplikasinya*, Jakarta: Ghalia Indonesia, 2003.

⁶¹ Lexy J. Moleong, *Metodologi Penelitian Kualitatif*, Bandung: PT Rosdakarya, 2002, hlm. 103.

Pembahagian Bab

Secara garis besar, Thesis ini mengandungi tujuh bab yang disusun sedemikian rupa bagi membincangkan kajian secara terstruktur dan menghuraikan setiap topik dan dapatan kajian dengan terperinci.

Bab I merupakan bab yang membincangkan tentang latar belakang, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, kerangka teori, kajian kepustakaan (*review related literature*), kaedah kajian dan sistematika penulisan.⁶² Bab II membahas Pesantren dan Politik di Indonesia, Bab III membahas hubungan antara PKB dengan Pesantren. Bahagian ini menjelaskan bagaimana relasi atau hubungan antara Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) dengan pesantren. Dalam karya-karya yang membahas mengenai pesantren dan hubungannya dengan politik, penulis belum menemukan tipologi tentang relasi itu. Untuk itu, maka penulis mencoba melakukan pemetaan tentang hal tersebut. Bab yang seterusnya adalah Bab IV, merupakan Bab yang menerangkan fungsi dari Parti Kebangkitan Bangsa yang terkandung di dalamnya fungsi agregasi, pendidikan, artikulasi dan perekrutan.

Sementara Bab V pula menjelaskan reaksi Pesantren terhadap peranan Parti Kebangkitan Bangsa di Lampung. Bahagian ini akan mendeskripsikan respon yang diberikan oleh pesantren terhadap kewujudan Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) di Lampung. Dengan melihat data yang telah didapatkan, penulis setidaknya menemukan tiga kecenderungan utama dari pesantren terhadap PKB. Pesantren yang menyokong secara terbuka, pesantren yang menyokong secara tertutup, serta

⁶² Sumadi Suryabrata, *Metodologi Penelitian*, Jakarta: Raja Grafindo Persada, 1995, hlm. 18.

pesantren yang tidak berafiliasi terhadap mana-mana parti politik. Bab VI merupakan analisis terhadap Hubungan PKB dan Pesantren di Lampung. Karya ini akan diakhiri dengan penutup dan kesimpulan di Bab VI. Bab ini merangkumi fokus kajian serta membincangkan bagaimana dapatan kajian boleh diaplikasikan dari segi cadangan dan implikasi hasil kajian sama ada dari segi teori, dasar dan cadangan kajian lanjutan.